

## STRATEGI PENGAJARAN PENDIDIKAN ISLAM DI SEKOLAH MENENGAH DAERAH BESUT, TERENGGANU

*Strategies of Teaching and Learning by the Islamic Education Teachers in District of Besut, Terengganu*

**Abdul Munir Ismail**

*Jabatan Pengajian Islam, Universiti Pendidikan Sultan Idris*

*Email: abdmunir@fsk.upsi.edu.my*

### Abstrak

Guru Pendidikan Islam hendaklah menggunakan pelbagai strategi pengajaran ketika mengajar kerana guru menghadapi cabaran mendidik generasi muda terutamanya dalam arus global masa kini. Guru hendaklah kreatif dalam pengajaran bagi menarik minat pelajar mengikuti pembelajaran dalam suasana yang menyeronokkan. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji strategi pengajaran guru Pendidikan Islam di empat buah sekolah di Daerah Besut, Terengganu. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti strategi pengajaran yang sesuai dan menarik terhadap subjek Pendidikan Islam KBSM yang dilaksanakan di sekolah. Kajian berbentuk tinjauan (survey) ini dijalankan terhadap 240 orang pelajar. Data-data dianalisis menggunakan perisian SPSS (Version 17.0) dan dihuraikan menggunakan statistik diskriptif seperti peratus dan frekuensi. Hasil kajian menunjukkan bahawa strategi pengajaran Pendidikan Islam berada pada tahap yang tinggi. Antara komponen strategi pengajaran seperti set induksi, isi kandungan, kaedah, penilaian, alat bantu mengajar, kemahiran dan sahsiah guru berada pada kategori tinggi. Strategi pengajaran yang sesuai amat berkait rapat dengan pembangunan diri pelajar dari aspek jasmani, emosi rohani dan intelek bagi membentuk pelajar cemerlang dalam pelbagai aspek.

**Kata kunci:** guru Pendidikan Islam, strategi pengajaran, pelajar sekolah.

### Abstract

*Teachers of Islamic Education should use various teaching strategies while teaching because teachers face the challenges of educating young people particularly in the global trend today. Teachers should be creative in teaching to attract students' interest in learning within a cheerful environment. This study aimed to investigate the strategies of teaching and learning by the Islamic Education teachers in four schools in Besut, Terengganu. The objective of the study is to identify teaching and learning strategies that are appropriate and interesting on the subject of Islamic Education KBSM implemented in schools. Study survey was conducted on 240 students. The data were analyzed by SPSS software (Version 17.0) and described using descriptive statistics such as frequency and percentage. The results showed that teaching strategies and learning of Islamic education is at a high level. Among the components of the teaching strategy such as set induction, contents, methods, assessment, teaching aids, skills and personality of teachers were at the high category. Appropriate teaching strategies are closely related to the development of students' physical, emotional, spiritual and intellect intellect to create excellent students in various aspects.*

**Keywords:** Islamic Education teachers, teaching strategies, school students.

### Pengenalan

Pendidikan merupakan kayu pengukur kedudukan seseorang dalam masyarakat, menentukan tahap keilmuan yang dimiliki, serta berperanan dalam banyak perkara, khususnya sebagai garis panduan dan juru pandu masyarakat ke arah kehidupan yang lebih bertamadun. Tajul Ariffin dan Nor'Aini, (1992) menyatakan bahawa pendidikan merupakan wadah utama untuk membentuk identiti anak bangsa dan menjadi alat terpenting untuk menjayakan pembangunan negara, berfungsi sebagai wahana yang kukuh mencapai perpaduan serta kesejahteraan bangsa dan negara. Sementara itu Atan Long, (1978) berpendapat bahawa pendidikan merupakan proses dan aktiviti yang bertujuan untuk menghasilkan perubahan yang dikehendaki di dalam diri seseorang.

Jika diteliti pada cadangan pembelajaran di Malaysia abad ke-21 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang dibincangkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM 2013) menjelaskan bahawa strategi pembelajaran hendaklah menekankan kepada penglibatan pelajar berbanding pembelajaran abad ke-20 yang lebih berfokus kepada peranan guru. Bagi mencapai kaedah tersebut, guru hendaklah mempelbagai gaya pengajaran agar selaras dengan cadangan kementerian tersebut. Dalam pada itu, Kurikulum Pendidikan Islam perlu dilaksanakan oleh guru Pendidikan Islam sebagai kesinambungan dan memberi keseimbangan di peringkat KBSR dan KBSP, menerusi penggabungan antara Fardu Ain dan Fardu Kifayah. Kesan daripada penggabungan itu akan membentuk pelajar yang memiliki akhlak mulia dan melahirkan pembangunan insan dalam memberi sumbangan kepada pembangunan tamadun bangsa dan negara. Menurut Adnan Yusop (2002), penyampaian dan pengajaran guru perlu distrukturkan mengikut tradisi pendidikan ilmu Islam yang dapat dikuasai dan diyakini, mengekalkan tradisi budaya penulisan sebenar ilmu Islam dengan pelbagai pendekatan semasa yang bersesuaian, mempelbagaikan bahan bantu mengajar, penilaian terhadap pelajar harus dilakukan secara menyeluruh berdasarkan rujukan kriteria dan juga pengajaran Pendidikan Islam tentang perkara wajib, sunat, haram, harus dan makruh diberi penjelasan yang baik agar tidak menimbulkan kekeliruan dalam mentafsirkan sesuatu hukum agama.

Ab. Halim & Nik Mohd Rahimi (2010), menyatakan bahawa guru-guru Pendidikan Islam perlu bersiap sedia dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran berdasarkan ciri-ciri kurikulum Pendidikan Islam. Aspek pendekatan dalam pengajaran dan aktiviti guru Pendidikan Islam juga perlu disesuaikan dengan perkembangan semasa dan terkini. Oleh itu, peranan tersebut terpikul oleh semua guru Pendidikan Islam untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah. Di peringkat sekolah menengah, sehingga kini, tidak ada perubahan dalam peruntukan waktu yang diberikan kepada pengajaran Pendidikan Islam Teras, iaitu enam waktu di tahap menengah rendah dan empat waktu di peringkat menengah atas. Penyelidik berpendapat bahawa waktu pengajaran tambahan wajar diberikan kepada guru pendidikan Islam supaya mereka dapat menggunakan waktu tersebut untuk amali solat, tazkirah dan juga aktiviti-aktiviti yang dapat mengukuhkan pengajaran Pendidikan Islam di sekolah.

Menurut Abdullah Ishak (1995), aspek pembangunan minda pelajar, kecintaan kepada Allah dan Rasul-Nya serta pengamalan pelajar terhadap nilai-nilai murni merupakan suatu kemahiran yang sangat perlu diterapkan kepada pelajar secara berterusan. Oleh itu, strategi amalan serta pendekatan harus diberi penumpuan dalam aspek pelaksanaan bagi pengajaran yang berorientasikan kepada hasil pembelajaran. Pelajar-pelajar yang mengikuti pengajaran pendidikan Islam seharusnya diberi peluang untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti pengajaran berdasarkan keupayaan, bakat dan gaya pembelajaran mereka dalam melaksanakan pelbagai aktiviti yang melibatkan kesemua pancaindera. Guru pendidikan Islam disarankan menggunakan strategi pengajaran yang sesuai, selain mempelbagaikan strategi pengajaran yang boleh menghasilkan penguasaan ilmu, amalan nilai-nilai murni, penghayatan dan pelaksanaan yang boleh memberi kesan kepada diri pelajar dan masyarakat keseluruhannya.

Pusat perkembangan Kurikulum Pendidikan Islam turut menganjurkan beberapa cadangan yang boleh digunakan sebagai pendekatan pengajaran seperti pendekatan koperatif, pembelajaran masteri, teori kecerdasan pelbagai, kajian kes, kontekstual, kolaboratif dan peta minda. Sementara itu, Zamri (2015) menjelaskan bahawa para guru yang menggunakan pelbagai strategi pembelajaran melibatkan aspek kognitif dan meta kognitif yang didapati kebanyakannya para pelajar telah berjaya menguasai kemahiran dalam subjek yang diajar. Menurut Dunn & Dunn, K. (1978), penggunaan media pengajaran seperti video, carta, OHP, peralatan ICT, VCD, filem dan peralatan multimedia seperti LCD dan komputer sangat digalakkan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Tujuan utama pendekatan-pendekatan yang menarik dan terkini adalah untuk menarik minat dan memotivasi pelajar untuk mempelajari Pendidikan Islam di dalam dan di luar bilik darjah. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk melihat strategi pengajaran guru Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Daerah Besut, Terengganu yang sesuai bagi membentuk pelajar cemerlang dalam sahsiah dan akademik.

## Pernyataan Masalah

Pelbagai persoalan dan isu timbul berkaitan dengan pelaksanaan Pendidikan Islam di sekolah telah dibincangkan oleh pihak yang mempunyai hubungan dengan proses pengajaran serta amalan pengajaran guru Pendidikan Islam dalam bilik darjah, khasnya dan sekolah amnya. Strategi pengajaran yang sesuai kini dan menarik minat pelajar oleh guru Pendidikan Islam diteliti masih rendah mutunya (Kementerian Pelajaran Malaysia 1988). Para guru masih lagi menggunakan pendekatan pengajaran tradisional, iaitu pendekatan menyampaikan maklumat kepada pelajar secara sehala sahaja, tanpa mengambil kira sama ada pelajar faham atau tidak maklumat yang disampaikan. Pendekatan penggunaan bahan bantu mengajar dan kerja-kerja amali kurang dipraktikkan oleh sebilangan guru pendidikan Islam di sekolah menengah. Zamri (2015) menyatakan bahawa cara pengajaran guru yang kurang menekankan strategi dan kaedah pembelajaran menyebabkan para pelajar kurang pendedahan dalam memahami sesuatu subjek yang diajarkan. Dengan erti kata lain, strategi pembelajaran pendidikan Islam lebih berfokus dan berpusatkan kepada guru. Oleh itu, masalah memilih kaedah dan strategi yang lebih sesuai perlu dilaksanakan dalam pembelajaran masa kini yang lebih berpusatkan kepada pelajar. Laporan Penilaian Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) mendapati bahawa sebilangan besar guru mengamalkan strategi pengajaran sehala “*chalk and talk*”. Kenyataan di atas disokong Jemaah Nazir Sekolah (1992) yang menjelaskan bahawa guru masih kekal dengan peranan lama mereka sebagai pengajar. Sementara itu, guru-guru masih membahaskan aktiviti pengajaran dan pembelajaran ke arah peperiksaan semata-mata (Mohd Majid Konteng, 1997). Peperiksaan semata-mata dan kurang menumpukan kepada pengajaran yang disesuaikan dengan strategi pembelajaran menyebabkan pelajar merosot dalam pencapaian akademik. Hal ini merupakan satu faktor yang menyebabkan pelajar-pelajar tidak meminati mata pelajaran Pendidikan Islam. Hal ini secara tidak langsung mengagalkan matlamat pendidikan negara untuk melahirkan insan mulia.

Menurut Kamarul Azmi dan Ab. Halim Tamuri, (2007) guru Pendidikan Islam di sekolah hendaklah mempertingkat ilmu pengetahuan mereka dalam bidang Pengajian Islam supaya dapat memberi pendidikan yang sempurna bagi mendidik generasi muda. Kemampuan guru-guru Pendidikan Islam juga sentiasa diuji dengan cabaran mendidik generasi muda pada era globalisasi ini yang bersifat global. Sebagai contoh, permasalahan akhlak yang wujud dalam kalangan pelajar sama ada berbentuk akhlak luaran mahupun melibatkan hubungan dengan Allah sering dikaitkan dengan kegagalan sistem pendidikan negara. Hal ini memerlukan perhatian dan kesungguhan daripada guru-guru Pendidikan Islam untuk melaksanakannya kerana guru merupakan agen melaksanakan perancangan Kementerian Pelajaran Malaysia. Selain itu, guru hendaklah mempunyai strategi pengajaran yang sesuai dan terkini serta keilmuan yang mantap bagi menghadapi cabaran mendidik serta berupaya membangunkan generasi hari ini. Persoalan yang timbul apakah strategi pengajaran yang sesuai dan pelbagai diamalkan oleh guru-guru pendidikan Islam di sekolah menengah Daerah Besut, Terengganu? Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti strategi pengajaran guru Pendidikan Islam KBSM yang dilaksanakan di Sekolah Menengah Daerah Besut, Terengganu.

## Kajian Literatur

Menurut Noor Habsah Ali & Yahya Othman (2018) menjelaskan bahawa pembelajaran merupakan satu proses berterusan yang bukan sahaja merangkumi aspek penguasaan ilmu pengetahuan (akademik), kemahiran berkomunikasi, kemahiran interaksi sosial, malah menekankan perkembangan emosi yang sihat, pengamalan sahsiah yang menarik dan nilai estetika. Musa Daia, (1986) menjelaskan bahawa pendidikan bagi manusia meliputi aspek jasmani, rohani, intelek dan emosi. “Manusia mendidik anak supaya badan sihat dan kuat, akal waras dan cerdas, rohani luhur dan berbudi pekerti tinggi, tahu bermasyarakat dan menyesuaikan diri dalam kelompoknya”. Sementara itu, Abdullah Jusuh (1990), menyatakan bahawa Pendidikan Islam merupakan satu proses mendidik akal, jasmani dan roh manusia berdasarkan nilai-nilai insaniah yang bersumberkan al-Quran dan al-Hadith. Pendidikan Islam melatih perasaan halus pelajar supaya sikap, tindakan dan keputusan mereka ditadbir oleh nilai-nilai kerohanian dan etika Islam. Wan Zahid Wan Nordin (1994)

menyatakan bahawa dalam konteks dunia moden hari ini, Pendidikan Islam amat penting dalam memastikan pelajar-pelajar mempunyai kekuatan dalam untuk menyesuaikan diri dengan keperluan semasa agar mereka tidak terkeluar dari landasan nilai etika dan kerohanian. Hal ini amat relevan dengan ciri-ciri Pendidikan Islam yang sesuai dengan pelbagai situasi dalam kehidupan manusia. Dalam melaksanakan sistem pendidikan negara, Pendidikan Islam mempunyai peranan penting membangunkan insan cemerlang secara menyeluruh dan seimbang.

Kurikulum Pendidikan Islam telah dirangka dengan mengambil kira pelbagai aspek termasuklah unsur-unsur yang berkaitan dengan pembinaan negara bangsa Malaysia. Para ahli dalam pendidikan Islam sepakat menyatakan tujuan Pendidikan Islam, bukanlah memenuhi keperluan kognitif anak-anak yang dididik dengan segala macam ilmu yang belum mereka ketahui semata-mata, tetapi tujuannya adalah mendidik akhlak dan jiwa mereka, menanam rasa fadhilah (keutamaan), membiasakan mereka dengan kesopanan yang tinggi, mempersiap mereka dengan kehidupan yang suci, ikhlas dan jujur. Bagi mencapai tujuan pendidikan akhlak dan jiwa, semua mata pelajaran harus mengandungi pelajaran-pelajaran berteraskan akhlak serta setiap pendidik haruslah memberi penekanan terhadap aspek akhlak berbanding aspek-aspek yang lain (Sobri Salomon dan Harun Din. 1988:7). Hakikatnya, sekolah bukan sahaja satu tempat untuk memberikan pengetahuan kepada pelajar, bahkan juga dalam pembangunan moral dan sosial.

Menurut Abd. Rahim Abd. Rashid (1999), sistem Pendidikan Islam telah digariskan dalam al-Qur'an dan al-Sunnah mampu menyempurnakan keperluan akal manusia dan memaksimumkan peranannya sebaik mungkin dalam membina modal insan dan menjadi pemangkin kemajuan negara. Ini bermakna, Falsafah Pengajaran Pendidikan Islam menawarkan pendekatan dan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang efektif sehingga mampu menghasilkan generasi yang berfikiran kritis, inovatif dan kreatif sebagai agen perubahan bangsa dan negara. Membentuk generasi yang berfikir merupakan asas untuk membentuk masyarakat madani (*civil society*). Masyarakat yang mampu berfikir mempunyai ruang untuk menyuarakan pendapat, pandangan dan kritikan bagi mempengaruhi proses membuat keputusan dan membaiki keadaan yang sihat dalam masyarakat.

Falsafah Pendidikan Islam juga menekankan kepada pendekatan pengajaran guru yang menitikberatkan keseimbangan yang jitu antara keperluan rohaniah, akal dan jasmaniah, iaitu antara pembangunan duniawi dengan pembangunan ukhrawi (Ahmad Mohd Saleh, 2004). Falsafah Pendidikan Islam menganggap bahawa setiap pembangunan akhlak individu yang selari dengan pandangan hidup Islam merupakan teras kepada pembangunan manusia seluruhnya. Memetik kenyataan Abdul Ghani oleh Ahmad Mohd Saleh dalam Pendidikan Islam, Falsafah, Sejarah dan Kaedah Pengajaran Pembelajaran, yang menegaskan bahawa Pendidikan Islam perlu menggunakan suatu pendekatan pengajaran yang bersifat terbuka, terkini dalam menerima pendapat dan pandangan orang lain (Ahmad Mohd Saleh, 2004).

Keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran bagi sesuatu mata pelajaran banyak bergantung kepada aspek kandungan, pendekatan, kaedah dan aktiviti serta kekuatan bahan-bahan yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Ahmad Syaibani (1997) menyatakan beberapa prinsip ke arah keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ialah memastikan motivasi, keperluan dan minat pelajar, memastikan tujuan belajar, mengetahui tahap kematangan pelajar untuk belajar, mengetahui perbezaan-perbezaan individu di antara pelajar, menyediakan peluang pengalaman praktikal, memerhatikan kefahaman dan mengetahui hubungan-hubungan, integrasi pengalaman dan kelanjutannya, keaslian, pembaharuan dan kebebasan berfikir dan menjadikan proses pendidikan itu sebagai pengalaman yang menggembirakan bagi pelajar.

Merujuk pandangan Zawawi, (1988) dalam pendidikan sekolah hari ini pelbagai strategi yang telah digunakan dalam usaha melahirkan murid yang mampu membaca, mengira dan menulis. Oleh yang demikian, strategi, kaedah atau teknik yang hendak digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran mestilah mempunyai sesuatu yang boleh menarik minat pelajar untuk belajar, maka dengan ini pelajar akan berusaha dengan lebih gigih dan tekun. Di samping itu, dapat mempertingkat keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam melahirkan pelajar yang seimbang dari aspek intelek, jasmani, rohani dan emosi.

Menurut Kamus Dewan (1998), strategi merupakan rancangan yang teratur untuk mencapai matlamat atau kejayaan. Dalam bidang pendidikan, konsep strategi merujuk kepada kebijaksanaan memilih pendekatan serta kecekapan merancang kaedah dan teknik dalam satu-satu pengajaran objektif pelajaran yang telah ditentukan. Menurut Mok Soon Sang (2006: 313), strategi pengajaran

merujuk kepada penentuan dan perancangan kaedah serta teknik mengajar untuk mencapai objektif jangka panjang dalam sesuatu pendekatan dengan berkesan. Terdapat beberapa strategi dalam proses pengajaran dan pembelajaran antaranya ialah strategi pemasukan guru, strategi pemasukan pelajar, strategi pemasukan bahan dan strategi berasaskan tugas. Ahmad Syaibani (1997) menegaskan bahawa dalam memilih kaedah atau strategi pengajaran dan pembelajaran melibatkan aspek berikut:

*“...tiada satu metod pengajaran yang berguna untuk semua tujuan pendidikan dan semua mata pelajaran. Begitu juga tiada pengkaedahan yang lebih baik bagi semua pendidik dalam semua keadaan dan suasana. Guru boleh memilih metod yang sesuai dalam tujuan pendidikan yang ingin dicapainya atau pelajaran yang ingin diajar, serta tahap perkembangan, kematangan dan kecerdasan pelajar-pelajar.....”*

Menurut Azman Wan Chik (1987), strategi pengajaran pembelajaran merujuk kepada penggunaan kaedah dan teknik yang digunakan untuk mengajar tajuk berkenaan, termasuklah aktiviti pemulihan, pengayaan, dan aktiviti penilaian serta aktiviti pembelajaran murid. Guru perlu mencatatkan strategi dan kemahiran belajar oleh murid dalam pembelajaran mereka. Di samping itu, teknik dan strategi sangat penting dalam pemilihan sesuatu tajuk. Guru hendaklah mengajar menggunakan kaedah atau teknik yang berlandaskan pendekatan yang memberi kesan kepada pelajar. Keberkesanan sesuatu teknik pembelajaran dan pengajaran bergantung kepada asas-asas perkaedahan dan pendekatan yang kukuh, mantap dan boleh dipercayai. Sehubungan dengan itu, Ab. Halim Tamuri (2003) berpendapat bahawa proses pengajaran dan pembelajaran itu akan menarik jika terdapat pengajaran dan pembelajaran interaktif di dalam bilik darjah. P&P interaktif boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian seperti: a. Interaktif antara guru dengan pelajar dan b. Interaktif antara guru dengan bahan pengajaran c. Interaktif antara pelajar dengan pelajar.

Strategi dan pendekatan perlu dilaksanakan untuk meningkatkan keberkesanan dan menjadikan pengajaran Pendidikan Islam menarik dan terkesan pada diri pelajar dengan menerapkan strategi yang efektif bagi menarik minat pelajar terhadap pembelajaran subjek pendidikan Islam. Misalnya, penggunaan komputer, tayangan slaid dan filem dalam mata pelajaran ini merupakan salah satu strategi yang dapat meningkatkan minat pelajar. Pengajaran berdasarkan komputer dan internet juga merupakan satu kaedah dan pendekatan yang terkini serta sering digunakan oleh guru-guru lain dalam pelbagai subjek.

Penggunaan strategi tidak terbatas kepada bentuk perisian semata-mata, tetapi sebagai satu alat yang berfungsi untuk menghasilkan bahan-bahan media lain secara kreatif dan inovatif. Gabungan harmoni antara paparan grafik, warna, muzik dan visual dalam proses pengajaran mampu menarik minat tumpuan pelajar. Namun begitu, masa, kos serta latihan untuk melatih guru bagi penggunaan teknologi terkini perlu disediakan oleh pihak kementerian, jabatan pendidikan dan sekolah adalah tinggi. Penggunaan strategi pengajaran yang bersesuaian bukan sahaja mampu memberi kesan positif dalam prestasi pelajar, bahkan juga dapat menjana pemikiran yang kritis dan kreatif, mewujudkan suasana pembelajaran yang ceria serta menggalakkan pelajar memahami ilmu kearah penghayatan yang lebih sempurna.

## Metodologi

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan metode exploratory melibatkan kajian perpustakaan (*library*) dan metode kajian lapangan (*field research*). Metode kajian perpustakaan digunakan sebagai teorikal asas perbincangan awal berkaitan peranan guru pendidikan Islam dalam strategi pengajaran terhadap pelajar. Bagi melaksanakan pengumpulan data, penyelidik menggunakan kaedah kajian perpustakaan bagi melengkapkan tentang konsep, strategi pengajaran dan pembelajaran. Mengikut Mohd Majid Konting (1993), pemilihan sampel perlu kepada saiz yang lebih besar agar responden dapat mewakili populasi dan mengurangkan ralat persampelan. Dengan itu, kajian ini menggunakan populasi persampelan agar dapat menepati kaedah kajian.

## Metode Kumpul Data

Dalam kajian ini penyelidik terlebih dahulu mendapat kebenaran secara bertulis bagi menjalankan kajian daripada pengetua sekolah menengah berkenaan. Soalan diedarkan kepada para pelajar dalam waktu persekolahan yang tidak mengganggu waktu pelajar mengikuti pembelajaran di sekolah. Kertas soal selidik yang dibahagikan kepada Bahagian A, B, C dan D yang mana borang kaji sesuai dengan objektif kajian.

## Instrumen, Sampel dan lokasi kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik. Penggunaan soal selidik amat sesuai digunakan bagi kajian berbentuk tinjauan. Hal ini demikian kerana kaedah soal selidik lebih mudah mendapat kerjasama daripada responden. Mereka bebas memilih dan menyatakan pendapat, menilai mengikut kehendak soal selidik serta mengetahui apa yang difikirkan untuk menjawab. Di samping itu, mereka tidak rasa malu untuk memberi jawapan kerana nama responden dirahsiakan. Secara tidak langsung, bilangan responden yang ramai juga boleh meningkatkan kebolehpercayaan kajian.

Pensampelan merupakan satu langkah penting dalam memulakan sesuatu penyelidikan sains sosial kerana pensampelan dan populasi merupakan suatu konsep yang penting dan perlu dirangka dengan baik dalam memungut data. Dalam kajian ini, penyelidik menumpukan kepada pelajar dan guru di sekolah menengah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia sahaja. Seramai 240 orang pelajar Tingkatan 4 dipilih berdasarkan tahap kelas cemerlang, sederhana dan lemah mewakili dari setiap sekolah bagi menjawab borang soal selidik. Pengisian borang soal selidik, melibatkan sekurang-kurangnya 6 orang guru Pendidikan Islam di setiap sekolah terlibat sebagai responden kajian.

Dari aspek lokasi, sebanyak empat buah sekolah menengah kebangsaan di Daerah Besut, Terengganu dipilih berdasarkan kawasan bandar dan luar bandar sebagai sampel kajian, iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Mahmud 2, Sekolah Menengah Kebangsaan Nasiruddin Shah, Sekolah Menengah Kebangsaan Renek dan Sekolah Menengah Kebangsaan Pemaisuri Nur Zahrah.

Semua data dikumpul, diteliti satu demi satu supaya hasil pengolahan serta menganalisis menepati piawaian. Dalam menganalisis data, pengkaji menggunakan metode induktif dan deduktif, iaitu perisian SPSS 1.7 digunakan untuk menganalisis data.

## Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Jadual 1. Taburan min dan sisihan piawai strategi pengajaran pendidikan Islam berdasarkan set induksi (n=240)

### a. Set Induksi

Bil.	Item	Min	Sisih Piawai
A1	Guru memulakan sesi pengajaran dengan bacaan doa.	4.85	0.564
A2	Guru memulakan pengajaran dengan melaksanakan set induksi.	4.03	0.875
A3	Set induksi yang digunakan menarik dan dapat mencungkil minat pelajar.	4.10	0.874
A4	Cerita/ Gambar/ tayangan video yang ditayangkan memberi kesedaran dan keinsafan kepada pelajar.	4.27	0.808
A5	Guru memperkenalkan tajuk pengajaran setiap kali memulakan pengajaran.	4.58	0.615
<b>JUMLAH</b>		4.37	0.747

Jadual 1 di atas menunjukkan bahawa strategi pengajaran Pendidikan Islam yang dilaksanakan di sekolah melalui pendekatan set induksi yang dilaksanakan oleh guru. Kajian ini juga menunjukkan bahawa guru memulakan kelas dengan bacaan doa (min: 4.85) serta memperkenal tajuk pengajaran setiap kali memulakan pengajaran (min: 4.58). Pelajar beranggapan bahawa cerita/gambar dan tayangan video yang ditayangkan oleh guru semasa pengajaran memberi kesedaran dan keinsafan kepada mereka (min: 4.27) dan set induksi yang digunakan oleh guru dapat menarik minat pelajar (min: 4.10). Hasil kajian juga menunjukkan bahawa guru memulakan pengajaran dengan melaksanakan set induksi (min: 4.03). Secara keseluruhannya, skor min menunjukkan bahawa pelaksanaan set induksi dalam pengajaran adalah tinggi (min: 4.37) dan memberi keseronokan serta kepuasan kepada para pelajar.

Jadual 2. Taburan min dan sisihan piawai strategi pengajaran pendidikan Islam berdasarkan isi kandungan (n=240)

b. Isi kandungan

<b>Bil.</b>	<b>Item</b>	<b>Min</b>	<b>Sisih Piawaian</b>
B1	Pelajar didedahkan dengan pengetahuan semasa.	4.16	0.802
B2	Guru sering mengaitkan isi pengajaran Pendidikan Islam dengan mata pelajaran lain (contoh: Sains kesihatan).	3.83	0.970
B3	Pelajar didedahkan dengan situasi sebenar (contoh: aktiviti jual beli dan tawaf ) dalam bilik darjah.	3.45	1.081
B4	Guru mengaitkan isi pengajaran menggunakan contoh semasa (contoh: Pembuangan bayi).	4.24	0.868
B5	Kandungan pengajaran Pendidikan Islam yang diajar di sekolah adalah sesuai/releven bagi golongan remaja	4.53	0.702
<b>JUMLAH</b>		<b>4.04</b>	<b>0.885</b>

Jadual 2 di atas menunjukkan bahawa guru melaksanakan strategi pengajaran Pendidikan Islam yang dilaksanakan di sekolah melalui pendekatan isi kandungan yang menarik. Isi kandungan yang dimuat dalam pelaksanaan strategi pengajaran menunjukkan pelajar-pelajar bersetuju bahawa kandungan pengajaran Pendidikan Islam yang diajar di sekolah adalah sesuai dan relevan bagi golongan remaja (min: 4.53) dan mereka sering didedahkan isi pengajaran menggunakan contoh-contoh semasa oleh guru (min: 4.24). Pelajar turut didedahkan dengan pengetahuan semasa (min: 4.16). Pelajar-pelajar juga menyatakan bahawa guru mereka sering mengaitkan isi pengajaran Pendidikan Islam dengan mata pelajaran lain seperti mata pelajaran Sains (min: 3.83) dan selalu didedahkan dengan situasi sebenar (contoh: aktiviti jual beli dan tawaf) dalam bilik darjah (min: 3.45). Secara keseluruhannya, pandangan pelajar terhadap isi kandungan yang disampaikan oleh guru adalah tinggi (min: 4.04) dan segala pengetahuan yang dipelajari mempengaruhi perkembangan pelajar-pelajar melalui jangkaan akibat daripada sesuatu pengetahuan yang dipraktikkan melalui perbuatan. Secara keseluruhannya, berdasarkan skor min menunjukkan bahawa isi kandungan dalam pengajaran adalah tinggi (min: 4.04) sehingga meninggalkan kesan yang mendalam diri pelajar, khususnya dalam melakukan sesuatu tindakan.

Jadual 3. Taburan min dan sisihan piawaian strategi pengajaran pendidikan Islam berdasarkan kaedah pengajaran yang sesuai (n=240)

c. Kaedah pengajaran yang sesuai

<b>Bil</b>	<b>Item</b>	<b>Min</b>	<b>Sisih Piawaian</b>
C1	Pengajaran Pendidikan Islam selalu disampaikan secara syarahan.	3.44	1.077
C2	Saya sering mengambil bahagian dalam aktiviti	3.83	1.009

	perbincangan dalam kumpulan.		
C3	Guru menunjukkan cara melaksanakan ibadah dengan betul semasa pengajaran Pendidikan Islam.	4.38	0.893
C4	Guru memberi peluang kepada pelajar mempraktikkan cara melaksanakan ibadah yang betul di sekolah.	3.92	0.895
C5	Guru sering bercerita dalam kelas Pendidikan Islam	4.15	0.936
C6	Aktiviti lawatan dapat meluaskan pandangan dan pengalaman pelajar.	4.15	1.032
	<b>JUMLAH</b>	<b>4.00</b>	<b>0.974</b>

Jadual 3 di atas menunjukkan strategi pengajaran Pendidikan Islam yang dilaksanakan di sekolah melalui kaedah pengajaran yang menarik, sangat sesuai dan berkesan untuk murid yang kurang berminat terhadap subjek Pendidikan Islam. Maklum balas yang dikemukakan oleh pelajar menunjukkan terdapat kecenderungan pemilihan sesuatu kaedah berdasarkan kepada kaedah-kaedah yang boleh membawa kefahaman dan kepuasan terhadap isi kandungan pelajaran yang diajar (nilai min berkisar daripada 4.38 sehingga 3.44). Dapatkan kajian juga menunjukkan min bagi item guru menunjukkan cara melaksanakan ibadah dengan betul semasa pengajaran Pendidikan Islam pada tahap tertinggi (4.38) dan jumlah ini menggambarkan kaedah tunjuk cara penting untuk pemahaman pelajar, terutamanya dalam mengaplikasikan dalam kehidupan seharian. Malah, min bagi item guru sering bercerita dalam kelas serta item aktiviti lawatan dapat meluaskan pandangan dan pengalaman mereka menunjukkan nilai yang sama (min: 4.15), diikuti item guru selalu memberi peluang kepada pelajar mempraktik cara melaksanakan ibadah yang betul di sekolah dengan nilai (min: 3.92). Selain itu, bagi item pelajar sering mengambil bahagian dalam aktiviti perbincangan dalam kumpulan. Pengajaran Pendidikan Islam lazimnya disampaikan secara syarahan mencatat nilai min (3.83) dan (3.44). Secara keseluruhan berdasarkan skor min, kaedah pengajaran yang sesuai menunjukkan pemilihan kaedah yang digariskan dalam instrumen adalah tinggi, iaitu mencapai (min: 4.00).

Jadual 4. Taburan min dan sisih piawaian strategi pengajaran pendidikan Islam berdasarkan kaedah penilaian berterusan (n=240)

d. Kaedah penilaian berterusan

Bil.	Item	Min	Sisih Piawaian
D1	Guru sering mengemukakan pelbagai persoalan yang mencabar minda pelajar.	3.98	0.924
D2	Pelajar berminat memberi maklum balas terhadap persoalan yang dikemukakan oleh guru	3.63	0.977
D3	Pelajar diminta oleh guru melakukan latihan/amali/bacaan beruang kali.	3.77	0.983
D4	Guru seringkali membuat latihan di dalam kelas.	4.09	0.937
D5	Guru sering memilih pelajar secara rawak untuk menyatakan kembali isi pengajaran yang diajar.	4.04	0.957
	<b>JUMLAH</b>	<b>4.00</b>	<b>0.956</b>

Jadual 4 di atas menunjukkan strategi pengajaran yang digunakan oleh guru dalam melaksanakan pendekatan penilaian berterusan. Secara keseluruhannya, skor min yang dicatatkan dalam komponen ini adalah tinggi (min:4.00). Maklum balas pelajar yang mengatakan guru mereka selalu membuat latihan di dalam kelas mencatat nilai tertinggi, iaitu (min: 4.09), diikuti item guru sering memilih mereka secara rawak untuk menyatakan kembali isi pengajaran yang diajar (min: 4.04) serta item guru sering mengemukakan pelbagai persoalan yang mencabar minda mereka (min: 3.98). Melalui item-item yang diuji menunjukkan bahawa guru mengamalkan pendekatan penilaian berterusan untuk memastikan pengajaran yang disampaikan berjaya memberi kefahaman dan penghayatan kepada setiap pelajar. Setiap penilaian yang dilaksanakan mampu menjadikan pelajar lebih bersedia serta memberi perhatian kepada pengajaran guru. Hasil kajian juga menunjukkan item

mereka selalu diminta oleh guru melakukan latihan/amali/ bacaan beruang kali mencatat nilai (min: 3.77) dan mereka suka memberi maklum balas kepada persoalan guru dengan nilai min terendah (min: 3.63). Ini menunjukkan wujudnya interaksi dua hala antara guru dan pelajar.

Jadual 5. Taburan min dan sisihan piawaian strategi pengajaran pendidikan Islam berdasarkan penggunaan Alat Bantu Mengajar (n=240)

e. Alat Bantu Mengajar (ABM)

Bil.	Item	Min	Sisih Piawaian
E1	Guru menggunakan buku teks semasa pengajaran Pendidikan Islam.	3.48	1.223
E2	Guru mempelbagaikan penggunaan alat bantu mengajar.	3.68	1.080
E3	Guru mengaitkan isi-isi pembelajaran dengan alat bantu mengajar.	3.61	1.020
E4	Alat bantu mengajar yang digunakan dapat meningkatkan kefahaman pelajar.	3.93	1.082
E5	Alat bantu mengajar yang digunakan berteknologi terkini.	3.72	1.040
<b>JUMLAH</b>		3.70	1.089

Jadual 5 di atas menunjukkan strategi pengajaran yang digunakan oleh guru dalam melaksanakan pendekatan penggunaan Alat Bantu Mengajar dalam strategi pengajaran yang sangat sesuai dalam Pendidikan Islam. Hasil kajian menunjukkan kedudukan yang tinggi dimana min yang dicatatkan adalah (min: 3.70). Ini menunjukkan guru sentiasa menggunakan set induksi dan mempelbagaikan ketika mengajar. Malahan, guru menggunakan komponen ini sebagai pendekatan menjadikan pengajaran lebih menarik dan berkesan. Item yang mencatatkan nilai min tertinggi adalah alat bantu mengajar dapat meningkatkan kefahaman mereka (min: 3.93), diikuti item alat bantu mengajar berteknologi terkini (min: 3.72) serta guru mempelbagaikan penggunaan alat bantu mengajar mencatat nilai (min: 3.68). Manakala, maklum balas bagi item guru mengaitkan isi-isi pembelajaran dengan alat bantu mengajar mencatat (min: 3.61) diikuti item guru hanya menggunakan buku teks semasa pengajaran Pendidikan Islam mencatat nilai min terendah iaitu (min: 3.48). Keseluruhan min menunjukkan bahawa pendekatan menggunakan set induksi adalah tinggi, namun item guru hanya menggunakan buku teks semata-mata tetap tinggi. Dalam konteks ini, masih terdapat sebilangan besar guru yang mengamalkan pendekatan pengajaran tradisional dan tidak mempelbagaikan alat bantu mengajar semasa mengajar. Secara keseluruhannya, analisis menunjukkan pelajar menunjukkan minat yang tinggi dalam subjek pengajaran pendidikan Islam apabila guru menggunakan alat bantu mengajar.

Jadual 6. Taburan min dan sisihan piawaian strategi pengajaran pendidikan Islam berdasarkan kemahiran dan sahsiah guru (n=240)

f. Kemahiran dan sahsiah guru

Bil.	Item	Min	Sisih Piawaian
F1	Guru mengajar mengikut tahap kebolehan pelajar	4.25	0.859
F2	Guru mengenalpasti pelajar yang lemah.	4.42	0.686
F3	Guru memberi penekanan kepada pelajar yang lemah.	4.39	0.800
F4	Guru menyampaikan pengajaran dengan baik dan berkesan.	4.59	0.691
F5	Guru saya sentiasa menepati waktu	3.83	1.025
F6	Guru Pendidikan Islam di sekolah adalah contoh terbaik/ role model kepada pelajar.	4.34	0.760
<b>JUMLAH</b>		4.41	0.759

Jadual 6 di atas menunjukkan bahawa strategi pengajaran berdasarkan guru memiliki kemahiran sahsiah guru yang menarik. Taburan min bagi komponen kemahiran guru sebagai salah satu pendekatan yang digariskan dalam strategi pengajaran Pendidikan Islam. Nilai min yang dicatatkan seperti dalam jadual berkisar antara (4.59 sehingga 4.25). Maklum balas pelajar bagi item guru menyampaikan pengajaran dengan baik dan berkesan mencatatkan nilai min yang tertinggi (min: 4.59), diikuti item guru mengenal pasti pelajar yang lemah (min: 4.42) serta memberi penekanan kepada pelajar yang lemah (min: 4.39). Bagi item guru mengajar mengikut tahap kebolehan pelajar pula mencatat nilai (min: 4.25). Tidak terdapat perbezaan yang ketara bagi item-item ini. Hal ini menunjukkan bahawa guru amat menitikberatkan pencapaian dan kebolehan pelajar melalui tahap kebolehan belajar serta penekanan kepada pelajar yang lemah. Secara keseluruhannya, skor min menunjukkan tahap kemahiran guru adalah tinggi iaitu (min: 4.41). Demikian juga guru pendidikan Islam adalah contoh terbaik kepada pelajar di sekolah menunjukkan suatu tahap yang tinggi (min: 4.34) diikuti item guru sentiasa menepati waktu dengan nilai min (3.83). Secara keseluruhannya, strategi pengajaran dan pembelajaran bukan sahaja bergantung kepada cara penyampaian ilmu semata-mata, bahkan juga sahsiah guru dipandang tinggi oleh pelajar (min: 4.10). Berdasarkan penilaian pelajar-pelajar ini, dapat difahami bahawa pelajar melihat guru Pendidikan Islam sebagai role model yang boleh diteladani.

Strategi pengajaran yang pelbagai oleh guru Pendidikan Islam sebenarnya dapat mempengaruhi perkembangan diri pelajar Islam di Daerah Besut, Terengganu. Strategi yang digunakan melalui penerangan sesuatu topik yang jelas dan terperinci daripada guru memudahkan pelajar untuk memahami dan mendalamai ilmu yang dipelajari secara berterusan. Kreativiti guru dalam usaha mempelbagaikan aktiviti dalam kelas seperti aktiviti perbincangan dalam kumpulan, soal jawab secara spontan, latih tubi berteraskan pengamalan harian, tunjuk cara bagi melakukan sesuatu berpandukan akhlak mulia dan sebagainya bukan sahaja mampu menarik minat pelajar, malahan mampu menerapkan nilai-nilai murni dalam diri setiap pelajar. Selain itu, strategi yang digunakan juga membantu pelajar menterjemahkan ilmu yang dipelajari dalam kehidupan seharian mereka melalui beberapa penekanan yang dilaksanakan dalam kandungan pengajaran Pendidikan Islam. Di samping itu, amalan dan sahsiah yang ditunjukkan oleh guru-guru Pendidikan Islam juga menjadi *role model* kepada pelajar.

## Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan sebelum ini, disimpulkan bahawa strategi pengajaran guru dalam Pendidikan Islam berada pada tahap yang tinggi. Kebijaksanaan guru melaksanakan set induksi yang baik boleh menarik perhatian, menimbulkan perasaan ingin tahu, memotivasi pelajar, membuat perkaitan antara isi pengajaran disampaikan serta membayangkan kepada pelajar peringkat pengajaran yang berkesan. Pelajar memberi maklum balas bahawa guru pendidikan Islam tidak lagi menggunakan pendekatan pengajaran tradisional, sebaliknya menggunakan strategi pengajaran seperti set induksi sesuai bagi menarik perhatian pelajar. Set induksi tersebut ialah guru bersama pelajar secara beramai-ramai membaca doa sebelum memulakan sesi pembelajaran. Hal ini merupakan suatu strategi yang sangat berkesan. Kenyataan ini disokong oleh responden yang pada keseluruhan mencatat taburan min sebanyak 4.37. Melalui strategi pengajaran berdasarkan pendekatan set induksi, pelajar menyatakan bahawa guru memulakan kelas dengan bacaan doa. Hal ini bertepatan dengan prinsip Pendidikan Islam permulaan pengajaran dimulakan dengan pujian kepada Allah SWT dan menjadi amalan Rasulullah S.A.W. Hal ini selaras dengan pandangan Kamarul Azmi (2004) bahawa kebanyakan ulama' muktabar seperti Imam al-Nawawi dan Imam al-Ghazali menambah set induksi dengan petikan al-Quran dan hadith dalam sesi pengajaran, manakala dari aspek isi kandungannya juga sesuai dengan tahap pemikiran pelajar. Kenyataan ini berdasarkan skor min (4.04) yang jelas menunjukkan isi kandungan dalam pengajaran adalah tinggi sehingga meninggalkan kesan yang mendalam terhadap diri pelajar, khususnya dalam melakukan sesuatu tindakan. Secara keseluruhan bagi strategi kaedah pengajaran guru yang tidak membosankan mencatatkan min tinggi iaitu sebanyak 4.00. Seterusnya bagi strategi kaedah penilaian berterusan mencatatkan min 4.00. Strategi guru menggunakan alat bantu mengajar mencatatkan min keseluruhan sebanyak 3.70. Maklum balas

pelajar tentang guru dalam memperkenalkan tajuk pengajaran dengan cerita/ gambar serta tayangan video merupakan suatu strategi pengajaran menarik minat pelajar supaya bersedia menghadapi pelajaran yang kian mencabar. Walau bagaimanapun, analisis menunjukkan bahawa aspek kemahiran dan sahsiah guru berada pada kategori tinggi secara keseluruhan, iaitu 4.41. Sahsiah dan rupa paras guru yang menarik serta guru mempamerkan gaya tingkah laku kepimpinan yang berteraskan akhlak Nabi SAW merupakan strategi pengajaran guru yang sangat penting. Implikasi dari strategi pengajaran yang sesuai dan menarik, dapat menghasilkan pelajar yang mantap dari aspek emosi, jasmani dan intelek. Guru pendidikan Islam disyorkan mempelbagai strategi pengajaran dari semasa ke semasa bagi membentuk pelajar cemerlang dalam akademik.

## Rujukan

- Ab. Halim & Nik Mohd Rahimi, (2010). Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd.
- Ab. Halim Tamuri, (2003). Fungsi Surau dan keberkesanannya dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam: Satu Kajian di sekolah-sekolah Menengah Negeri Selangor. Fakulti Pendidikan, UKM.
- Abd. Rashid, (1999). Profesionalisme motivasi pengurusan bilik darjah. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdullah Ishak, (1995). Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Jusuh, (1990). Pengenalan Tamadun Islam Di Malaysia. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adnan Yusopp, (2002). Kurikulum Baru Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia menghadapi era globalisasi, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Syaibani, (1997). Falsafah Pendidikan Islam. Jakarta: Bulan Bintang.
- Ahmad Mohd Saleh, (2004). Pendidikan Islam; Dinamika Guru. Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Atan Long, (1978). Psikologi Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azman Wan Chik (1987). Kaedah Hayati Amali. Kuala Lumpur: Karya Bistari Sdn. Bhd.
- Che Hasniza Che Noh (2008). Ciri ibubapa dan anak serta hubungannya ke atas gaya keibubapaan dan pola komunikasi keluarga. Universiti Malaysia Terengganu.
- Dunn & Dunn, K. (1978). Teaching Students Through Their Individual Learning Styles : A Practical Approach". Roston, VA: Reston Publishing.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, Jemaah Nazir Sekolah (1992). Buku Panduan Penyeliaan Pendidikan Islam Sekolah Rendah.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim. (2007). Pendidikan Islam, Kaedah Pengajaran & Pembelajaran, Johor: Cetak Ratu Sdn. Bhd.
- Noresah Baharom & kawan-kawan, (2007). Kamus Dewan edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia, 1988). Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001). Sukatan Pelajaran Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) Pengajian Islam (Pengkhususan). Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Guru.
- Mohd Majid Konting (2000). Kaedah Penyelidikan Pendidikan, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mok Soon Sang (2006). Nota Pengurusan Pengajaran-Pembelajaran. Subang Jaya: Multimedia-ES Resources Sdn. Bhd. Lihat juga Mok Song Sang dan Lee Shok Mee. (1991). Pedagogi 2: Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Mikro. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Musa Daia, (1986). Prinsip am pendidikan, Kota Bharu : Pustaka Aman Press.
- Noor Habsah Ali & Yahya Othman (2018). Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPB(Malay Language Education Journal – MyLEJ). Bangi, UKM, Vol. 8, Bil. 1 (Mei 2018): 33-41.
- Sobri Salamon dan Harun Din. (1988). Masalah Pendidikan Islam di Malaysia. Kuala Lumpur : al- Rahmaniah.
- Tajul Ariffin dan Nor'Aini, (1992). Pendidikan dan wawasan 2020, Kuala Lumpur, Arena Ilmu.
- Wan Zahid Wan Nordin, (1994). Wawasan Pendidikan: Agenda Pengisian. Kuala Lumpur: Cahaya Pantai Publishing (M) Sdn. Bhd.
- Zawawi Ahmad, (1996). Sains dalam Pendidikan Islam. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zamri Mahamod. (2014). Inovasi P & P dalam pendidikan Bahasa Melayu. Tanjung Malim.Penerbit :Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zamri Mahamod. (2015). Strategi pembelajaran: Inventori cara belajar Bahasa Melayu.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.